

**PERATURAN KHUSUS KEMASUKAN PELAWAT
KE PEJABAT PERDANA MENTERI
BAGI MEMBENDUNG PENULARAN WABAK COVID-19**

1. Tafsiran Pelawat

- (i) **“Pelawat”** bererti mereka yang telah **ditetapkan janji temu** dengan YAB Perdana Menteri atau pegawai-pegawai Pejabat Perdana Menteri atau **dijemput khusus** untuk menghadiri mesyuarat (termasuk Mesyuarat Jemaah Menteri) atau sidang media.
- (ii) **Hanya pelawat (*principal*)** yang telah diberikan janji temu/jemputan mesyuarat/sidang media dibenarkan naik ke aras yang berkenaan. **Pegawai pengiring/pegawai khas tidak dibenarkan** sama sekali.

2. Peraturan Khusus Berhubung COVID-19

Semua pelawat diminta untuk mengambil perhatian terhadap langkah-langkah keselamatan bagi mengekang penularan wabak COVID-19 seperti berikut:

- (i) Pelawat yang mempunyai **janji temu secara bersemuka** dengan YAB Perdana Menteri atau pegawai-pegawai Pejabat Perdana Menteri adalah **wajib menjalani ujian pengesanan COVID-19 (ujian PCR)** dan **disahkan negatif** oleh mana-mana institusi kesihatan yang diiktiraf oleh Kerajaan sekurang-kurangnya **3 hari sebelum** tarikh janji temu/lawatan ke Pejabat Perdana Menteri. Surat pengesanan mesti dikemukakan untuk semakan Pegawai Keselamatan yang bertugas.
- (ii) Pelawat mesti **memakai pelitup muka dengan sempurna** dan **membasuh tangan dengan kerap** sama ada menggunakan sabun atau pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) serta **mengamalkan penjarakan fizikal** yang selamat sepanjang berada di Pejabat Perdana Menteri.
- (iii) Pelawat mesti **mengimbas suhu badan** di lokasi-lokasi yang telah ditentukan. Pelawat dengan bacaan suhu badan melebihi 37.5°C dikategorikan sebagai berisiko tinggi dan tidak akan dibenarkan untuk masuk.
- (iv) Pelawat juga mesti **mengimbas kod MySejahtera** yang telah diletakkan di lokasi-lokasi yang tertentu sebelum berurusan Pejabat Perdana Menteri.
- (v) Semua pelawat juga dinasihatkan untuk **berpakaian sopan dan bersesuaian** semasa berurusan di Pejabat Perdana Menteri.
- (vi) Peraturan-peraturan lain berhubung kemasukan pelawat ke Pejabat Perdana Menteri adalah berpandukan kepada surat edaran sebelum ini.

3. Keurusetiaan Mesyuarat oleh Kementerian/Jabatan/Agensi

- (i) Semua **mesyuarat secara bersemuka tidak dibenarkan** di Pejabat Perdana Menteri. Semua mesyuarat perlu **dilaksanakan secara dalam talian (online)** dengan menggunakan platform-platform yang bersesuaian.
- (ii) Sekiranya perlu bagi **urus setia Kementerian/Jabatan/Agensi** untuk berada di Pejabat Perdana Menteri bagi menyelaras keperluan teknikal mesyuarat, pihak urus setia perlu mengemukakan permohonan kemasukan ke Pejabat Perdana Menteri seboleh-bolehnya 3 hari sebelum tarikh mesyuarat melalui e-mel kepada Bahagian Keurusetiaan dan Pengurusan Perkhidmatan, Pejabat Perdana Menteri.
- (iii) Semasa mengemukakan permohonan, pihak urus setia **wajib menyertakan keputusan ujian pengesanan COVID-19 (ujian PCR)** yang **disahkan negatif** oleh mana-mana institusi kesihatan yang diiktiraf oleh Kerajaan sekurang-kurangnya **3 hari sebelum** hadir ke Pejabat Perdana Menteri.
- (iv) Peraturan-peraturan lain di perenggan 2 perlu dipatuhi sepenuhnya.

4. Pengurusan Sidang Media

- (i) Semua pegawai dan petugas media **wajib menjalani ujian pengesanan COVID-19 (ujian PCR)** dan **disahkan negatif** oleh mana-mana institusi kesihatan yang diiktiraf oleh Kerajaan sekurang-kurangnya **3 hari sebelum** hadir ke sidang media di Pejabat Perdana Menteri.
- (ii) Peraturan-peraturan lain di perenggan 2 perlu dipatuhi sepenuhnya.

5. Penghantaran/Penerimaan Surat

- (i) Urusan penghantaran/penerimaan surat atau dokumen daripada mana-mana pihak hanya dibenarkan beroperasi di **kaunter serahan surat Jabatan Perdana Menteri di Aras LG, Blok Timur**.
- (ii) Surat/dokumen yang dialamatkan kepada Pejabat Perdana Menteri akan diambil secara berkala oleh kakitangan yang bertugas.
- (iii) Semua pihak yang terlibat dalam urusan ini haruslah **memakai pelitup muka dengan sempurna, membasuh tangan dengan kerap** sama ada menggunakan sabun atau pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) dan **mengamalkan penjarakan fizikal** yang selamat pada setiap masa.

6. Kuat Kuasa

- (i) Peraturan-peraturan yang telah dikemas kini akan mula berkuat kuasa pada **24 Mei 2021**.